

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bekerjasama dengan Persatuan Pencinta Burung Taman Negara (PPBTN) bagi mengumpul data mengenai pelbagai spesies burung di hutan hujan tropika yang berusia ratusan juta tahun itu.

Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang, Datuk Idros Yahya berkata, selain itu universiti berkenaan akan membuat analisis impak pembangunan sekitar Taman Negara Kuala Tahan terhadap alam sekitar dan populasi burung di situ.

Katanya, sukar menolak pembangunan di penempatan penduduk, namun ia boleh dikawal dengan pelaksanaan yang terancang di sekitar kawasan berkenaan.

FAKTA
Taman Negara Kuala Tahan mampu menjadi destinasi popular peminat burung

“Menerusi kajian dan penyelidikan ilmiah berkenaan nanti, kita akan melihat kesan pembangunan terhadap kepelbagaian biodiversiti di Taman Negara dan

tindakan yang boleh diambil untuk mengatasinya.
“Taman Negara Kuala Tahan, di sini mampu menjadi destinasi popular dalam kalangan peminat burung kerana dianggarkan

lebih 400 spesies burung hidup di situ termasuk burung hijrah dari luar negara,” katanya yang ditemui selepas Majlis Penutup Taman Negara Bird Count 2019 di Kuala Tahan di sini, semalam.

Jerantut HM MS 33 16/03/19.
UMT, PPBTN kumpul data spesies burung



IDROS bersama peserta yang menyertai program Taman Negara, semalam.